



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

LABOUR MARKET REVIEW, FOURTH QUARTER OF 2025

The Malaysian labour market remained well established in the lead-up to the 13MP, with LFPR at 70.9 per cent, 32.1 thousand jobs created and labour productivity per hour worked reached RM46.3.

PUTRAJAYA, 26th FEBRUARY 2026 – The Malaysian labour market remained well established in the lead-up to the 13MP, with LFPR at 70.9 per cent, 32.1 thousand jobs created and labour productivity per hour worked reached RM46.3. The Department of Statistics Malaysia (DOSM) released the **Labour Market Review, Fourth Quarter 2025 (LMR Q4 2025)** today, consolidating quarterly labour statistics and providing an in-depth analysis of Malaysia's labour market trends. This edition also features a special article, 'Automation to Innovation: AI and the Future of Manufacturing Jobs'.

Commenting on the overall labour market performance in the year 2025, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician of Malaysia, stated that "Based on preliminary data for 2025, the Malaysian labour market entered the 13th Malaysia Plan (13MP) on a solid footing, underpinned by near full employment. The labour force participation rate rose to 70.8 per cent, while the unemployment rate declined to 3.0 per cent, while total number of jobs stood at 9.21 million, with 9.02 million positions filled, corresponding to a high filled jobs rate of 97.8 per cent. Labour productivity also improved as value added per employment increased to RM102,672, and value added per hour worked rose to RM44.5. Concurrently, median monthly wage of formal workers increased to RM2,864 in September 2025, reflecting improvements in labour market conditions and enhanced household income levels in line with sustained economic expansion."

In the fourth quarter of 2025, Malaysia's economy recorded a growth of 6.3 per cent (Q4 2024: 5.0%), marking the highest quarterly expansion since Q4 2022. This growth was driven by strong domestic demand and a resilient labour market. Expansion was broad-based, with the services sector as the main driver, supported by household expenditure, government services, and developments in information and communications technology (ICT). The manufacturing sector also contributed, particularly through higher output in the electrical and electronics (E&E) and consumer goods industries. The agriculture sector strengthened as well, benefiting from increased palm oil production and fewer severe floods compared with the previous year.

From the viewpoint of labour supply in the fourth quarter of 2025, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin informed, "The national labour force participation rate (LFPR) remained stable at 70.9 per cent, while total employed persons increased 3.3 per cent to 17.10 million persons. Meanwhile, the number of unemployed declined 3.9 per cent to 517.9 thousand persons, reducing the unemployment rate from 3.2 per cent to 2.9 per cent compared with the same quarter of the previous year. Time-related underemployment continued to fall, reaching 129.8 thousand persons, whereas skill-related underemployment rose slightly by 0.5 per cent year-on-year to 1.96 million persons, reflecting that over one-third of employed persons with tertiary education were engaged in semi-skilled or low-skilled roles."

Correspondingly, labour demand continued to expand in the fourth quarter of 2025, with total jobs increasing by 1.8 per cent year-on-year to 9.21 million (Q4 2024: 9.05 million). The number of filled jobs also rose by 1.8 per cent to 9.02 million, sustaining a filled job rate of 97.8 per cent, while vacancies accounted for 2.2 per cent of total jobs. Meanwhile, there were a total of 32.1 thousand new jobs created during this quarter.

With the economy expanding in the fourth quarter of 2025, labour productivity per employment increased 4.4 per cent to record value-added per employment at RM26,765 per person (Q4 2024: RM25,635; Q3 2025: RM26,122). Total hours worked rose 1.4 per cent to 9.9 billion hours, while labour productivity per hour worked grew 4.9 per cent to RM46.3 per hour in the fourth quarter of 2025 (Q4 2024: RM44.2; Q3 2025: RM45.2).

Concluding the statement, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Looking ahead, Artificial Intelligence (AI) offers a key opportunity to strengthen Malaysia's labour market, drive innovation and enhance productivity. AI can improve service delivery, resource allocation, and decision-making, while also accelerating digitalisation, creating high-skilled jobs, and supporting sustainable growth. Under the 13th Malaysia Plan (2026–2030), targeted investments in digital infrastructure, workforce development, data governance, and ethical AI practices, together with regional collaboration and knowledge-sharing, will position Malaysia as a future-ready, innovative, and globally competitive economy."

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

MyLabourHub is a comprehensive platform that integrates institutions, data and technology to deliver relevant, accurate and accessible labour market information. Access the labour market data for Malaysia at <https://mylabourhub.dosm.gov.my>

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
26 FEBRUARY 2026**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

SOROTAN PASARAN BURUH, SUKU TAHUN KEEMPAT 2025

Pasaran buruh Malaysia kekal kukuh menjelang RMK-13, dengan KPTB pada 70.9 peratus, 32.1 ribu pewujudan jawatan, dan produktiviti buruh per jam bekerja mencapai RM46.3.

PUTRAJAYA, 26 FEBRUARI 2026 – Pasaran buruh Malaysia kekal kukuh menjelang RMK-13, dengan KPTB pada 70.9 peratus, 32.1 ribu pewujudan jawatan, dan produktiviti buruh per jam bekerja mencapai RM46.3. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini menerbitkan *Tinjauan Pasaran Buruh, Suku Tahun Keempat 2025 (LMR ST4 2025)* yang menghimpunkan statistik pasaran buruh suku tahunan serta menyediakan analisis mendalam mengenai trend pasaran buruh Malaysia. Edisi ini turut menampilkan rencana khas bertajuk '*Automasi kepada Inovasi: AI dan Masa Depan Pekerjaan Pembuatan*'.

Mengulas prestasi keseluruhan pasaran buruh pada tahun 2025, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, menyatakan bahawa "Berdasarkan data awalan tahun 2025, pasaran buruh Malaysia memulakan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) dengan asas yang kukuh, disokong oleh menghampiri guna tenaga penuh. Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) meningkat kepada 70.8 peratus, manakala kadar pengangguran menurun kepada 3.0 peratus, sementara jumlah jawatan mencapai 9.21 juta, dengan 9.02 juta jawatan diisi, bersamaan kadar jawatan diisi yang tinggi iaitu 97.8 peratus. Produktiviti buruh turut meningkat, dengan nilai ditambah per pekerja meningkat kepada RM102,672, dan nilai ditambah per jam bekerja naik kepada RM44.5. Pada masa yang sama, median upah bulanan pekerja formal meningkat kepada RM2,864 pada September 2025, mencerminkan penambahbaikan keadaan pasaran buruh serta peningkatan tahap pendapatan isi rumah selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang berterusan."

Pada suku tahun keempat 2025, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 6.3 peratus (ST4 2024: 5.0%), iaitu pertumbuhan suku tahunan tertinggi sejak ST4 2022. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan domestik yang kukuh dan pasaran buruh yang berdaya tahan. Pertumbuhan adalah menyeluruh, dengan sektor perkhidmatan menjadi pemacu utama melalui perbelanjaan isi rumah, perkhidmatan kerajaan, dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Sektor pembuatan turut menyumbang, terutamanya melalui peningkatan pengeluaran dalam industri elektrik dan elektronik (E&E) serta barangan pengguna. Sektor pertanian turut

mengukuh, sejajar dengan peningkatan pengeluaran minyak sawit dan impak banjir yang lebih rendah berbanding tahun sebelumnya.

Dari sudut pandangan penawaran buruh pada suku tahun keempat 2025, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan, "Pasaran buruh kekal teguh pada suku tahun keempat 2025. Kadar penyertaan tenaga buruh negara kekal stabil pada 70.9 peratus, manakala jumlah penduduk bekerja meningkat 3.3 peratus kepada 17.10 juta orang. Sementara itu, bilangan penganggur menurun 3.9 peratus kepada 517.9 ribu orang, sekali gus menurunkan kadar pengangguran daripada 3.2 peratus kepada 2.9 peratus berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa terus menurun kepada 129.8 ribu orang, manakala guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran meningkat sedikit dengan 0.5 peratus tahun ke tahun kepada 1.96 juta orang, mencerminkan bahawa lebih satu pertiga pekerja berpendidikan tertiar terlibat dalam pekerjaan separuh mahir atau berkemahiran rendah."

Sejajar dengan itu, permintaan buruh Malaysia terus berkembang pada suku tahun keempat 2025, dengan bilangan jawatan dilaporkan adalah 9.21 juta, meningkat 1.8 peratus tahun ke tahun (ST4 2024: 9.05 juta). Bilangan jawatan diisi juga meningkat 1.8 peratus kepada 9.02 juta, mengekalkan kadar jawatan diisi pada 97.8 peratus, manakala kekosongan jawatan menyumbang 2.2 peratus daripada jumlah jawatan. Sementara itu, terdapat 32.1 ribu pewujudan jawatan baharu pada suku tahun ini.

Dengan ekonomi berkembang pada suku tahun keempat 2025, produktiviti buruh per pekerja meningkat 4.4 peratus untuk merekodkan nilai ditambah per pekerja sebanyak RM26,765 seorang (ST4 2024: RM25,635; ST3 2025: RM26,122). Jumlah jam bekerja pula meningkat 1.4 peratus kepada 9.9 bilion jam, manakala produktiviti buruh per jam bekerja bertumbuh 4.9 peratus kepada RM46.3 setiap jam pada suku tahun keempat 2025 (ST4 2024: RM44.2; ST3 2025: RM45.2).

Mengakhiri kenyataan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Melangkah ke hadapan, Kecerdasan Buatan (AI) menawarkan peluang utama untuk memperkukuh pasaran buruh Malaysia, memacu inovasi dan meningkatkan produktiviti. AI berupaya menambah baik penyampaian perkhidmatan, pengagihan sumber dan proses membuat keputusan, di samping mempercepat pendigitalan, mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi dan menyokong pertumbuhan mampan. Di bawah RMK-13 (2026 - 2030), pelaburan bersasar dalam infrastruktur digital, pembangunan tenaga kerja, tadbir urus data dan amalan AI beretika, bersama kerjasama serantau dan perkongsian pengetahuan, akan meletakkan Malaysia sebagai ekonomi yang bersedia menghadapi masa depan, inovatif dan berdaya saing di peringkat global."

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

MyLabourHub ialah platform komprehensif yang mengintegrasikan institusi, data dan teknologi bagi menyediakan maklumat pasaran buruh yang relevan, tepat dan mudah diakses. Dapatkan data pasaran buruh Malaysia melalui MyLabourHub di <https://mylabourhub.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
26 FEBRUARI 2026